

Daripada Jawi Peranakan kepada Melayu: Tinjauan terhadap Komuniti Jawi Peranakan di Pulau Pinang pada Abad ke-21

OMAR YUSOFF & NORIAH MOHAMED

ABSTRAK

Makalah ini meninjau tentang komuniti Jawi Peranakan yang menetap di Pulau Pinang. Tinjauan dilaksanakan menerusi kaedah kualitatif dan berfokus kepada tinjauan pustaka dan temu bual tidak berstruktur antara penyelidik dan informan Jawi Peranakan. Tinjauan mendapati bahawa kedatangan golongan pendatang dan pedagang dari India dan Arab ke Pulau Pinang telah mewujudkan kelompok Jawi Peranakan menerusi perkahwinan campur antara golongan ini dengan wanita Melayu tempatan. Golongan hibrid ini pada mulanya dikenali sebagai Jawi Pekan tetapi kemudian disebut sebagai Jawi Peranakan. Sekarang, golongan Jawi Peranakan ini lebih cenderung mengamalkan budaya Melayu dan dalam menuju ke arah menjadi Melayu, proses asimilasi dan amalgamasi yang dilalui oleh golongan ini sejak sekian lama, telah menyebabkan sebahagian besar mereka tidak lagi mempertahankan budaya mereka yang ada antaranya dikatakan bertentangan dengan akidah Islam. Pergeseran bukan sahaja berlaku terhadap budaya, malah aspek bahasa juga mempamerkan keadaan yang sama. Makalah ini cuba mendeskripsikan Jawi Peranakan dan meninjau perubahan budaya dan penggunaan bahasa Jawi Peranakan di Pulau Pinang pada masa ini.

Kata kunci: Jawi Pekan, Jawi Peranakan, Melayu, Pulau Pinang, budaya

ABSTRACT

This paper will review the Jawi Peranakan community that settled in Penang. A survey was conducted through qualitative methods and focused on library research and non-structured interviews between the researcher and the Jawi Peranakan informants. This survey found that the arrival of the immigrants and traders from India and Arab to Penang gave rise to the Jawi Peranakan community through inter-marriage between these groups with local Malay women. The hybrid group was originally known as Jawi Pekan, nevertheless later it was addressed as Jawi Peranakan. At present, the Jawi Peranakan was inclined to adopt Malay culture and in the process to become Malay, the process of assimilation and amalgamation experienced by these peoples over the years had caused most of them no longer maintain their culture because it is said to be contrary among Muslims. Shift not only occurred on the cultural

aspects, but the language aspect also exhibits the same condition. This paper will describe and explore current changes in culture and language of Jawi Peranakan in Penang.

Key words: Jawi Pekan, Jawi Peranakan, Malay, Penang, culture

PENGENALAN

Pulau Pinang atau dahulunya dikenali sebagai Pulau Kesatu merupakan sebuah pelabuhan yang bersejarah. Pulau Pinang yang terletak di bahagian utara Selat Melaka telah menarik minat kerajaan British bagi mendapatkannya (Clodd 1948: 43). Apabila Pulau Pinang dibuka oleh Kapten Light pada tahun 1786, bertambah ramai golongan pendatang dan pedagang dari gugusan pulau Melayu, Cina, India, Arab dan Eropah berhijrah ke pulau ini. Pelbagai komuniti di gugusan pulau Melayu seperti orang Rawa, Minangkabau, Aceh, Jawa, Bugis, Batak (Mandailing) dan yang lain telah membangunkan Pulau Pinang melalui perdagangan (Lee 1995: 76). Orang Arab, Tamil, Punjabi, Benggali, Gujerati dan Afghani telah tertarik dengan pertumbuhan ekonomi di Pulau Pinang dan mereka mengambil kesempatan menjalankan perdagangan rempah, kain, bawang dan emas di pulau ini. Selain golongan ini, terdapat juga orang Portugis, Asia, Denmark, Belanda, Jepun, Siam, Burma dan Armenia yang tinggal dan berdagang di Pulau Pinang (McAlister 1803: 22).

Kehadiran pendatang dan pedagang dari India dan Arab telah membuka satu lembaran baru di Pulau Pinang apabila terbentuknya keturunan Melayu kacukan yang dikenali sebagai Jawi Pekan (kemudian dikenali sebagai Jawi Peranakan) melalui perkahwinan campur antara golongan ini dengan wanita Melayu tempatan. Perkahwinan ini berlangsung kerana golongan ini berhasrat untuk mengekalkan tempat dan status mereka dalam masyarakat Islam di Pulau Pinang. Perkahwinan campur telah menjadikan Pulau Pinang bukan sahaja terkenal dengan pertumbuhan ekonominya, malah dikenali menerusi pembentukan golongan Melayu baru dengan subbudaya kehidupan seharian mereka. Subbudaya ini membezakan Jawi Peranakan dengan orang Melayu lain di Pulau Pinang. Namun begitu, dalam usaha mereka untuk menjadi Melayu, banyak adat resam mereka yang didapati bertentangan dengan akidah Islam tidak lagi dipertahankan, khususnya oleh generasi kini.

JAWI PEKAN DAN JAWI PERANAKAN

Istilah Jawi¹ Pekan merujuk kepada masyarakat yang terbentuk hasil perkahwinan campur antara pendatang dan pedagang dari luar dengan wanita Melayu tempatan (Crawfurd 1820: 134). Di Pulau Pinang pada abad kelapan belas, mereka ini menetap di kawasan bandar dan oleh sebab itu kerajaan British telah menggunakan istilah Jawi Pekan ini untuk membezakan antara orang asing/bukan Melayu Islam yang tinggal di bandar ini dengan orang Melayu Islam yang tinggal di luar bandar (Crawfurd 1820: 134).

Jawi Pekan merupakan istilah yang agak kabur dari segi takrifan. Jawi Pekan bukan sahaja digunakan untuk merujuk kepada orang Melayu berdarah campuran Arab, India, Benggali, Punjabi, Gujerati dan Afghani dan orang India Islam yang dilahirkan di Tanah Melayu (kedua-dua ibu bapa mereka terdiri daripada orang India Islam) yang telah melalui proses asimilasi kebudayaan Melayu (Khoo Salma 2002: 44), malah istilah ini digunakan untuk merujuk kepada mana-mana orang Islam yang bukan keturunan masyarakat Melayu tempatan. Kekaburan definisi ini telah menimbulkan kesukaran kepada para sarjana untuk memberi maksud Jawi Pekan (Crawfurd 1820: 134) yang tepat. Namun begitu, bermula dari tahun 1870, Jawi Pekan tidak lagi digunakan dalam *Laporan Tahunan Banci Penduduk Negeri-negeri Selat* dan istilah ini digantikan dengan Jawi Peranakan² sebagai rujukan kepada orang Melayu berdarah campuran Arab, India, Benggali, Punjabi, Gujerati dan Afghani (Zaharah Mahmud 1972: 201; Vaughan 1857: 137).

Dalam hal ini, definisi oleh Zaharah Mahmud (1972: 201) di atas menunjukkan bahawa Jawi Peranakan ialah istilah yang lebih khusus. Istilah ini mula diguna pakai pada tahun 1871 dan Jawi Peranakan tidak lagi memasukkan orang India Islam³ yang dilahirkan di Tanah Melayu (kedua-dua ibu bapa mereka terdiri daripada orang India Islam) yang telah melalui proses asimilasi kebudayaan Melayu dan mana-mana golongan yang beragama Islam yang bukan berketurunan Melayu tempatan. Perubahan ini dilaksanakan demi memudahkan pembahagian kelompok dibuat dalam *Laporan Tahunan Banci Penduduk Negeri-negeri Selat* (Khoo Salma 2002: 44, 45). Di Singapura, golongan peranakan ini dikenali sebagai Jawi Peranakan, manakala di Melaka mereka dikenali sebagai Peranakan Keling (Khoo Salma 2002: 44).

PEMBENTUKAN JAWI PERANAKAN DI PULAU PINANG

Kewujudan Jawi Peranakan⁴ bukanlah suatu peristiwa baru, malah golongan ini sudah wujud sekian lama di gugusan pulau Melayu dan di Tanah Melayu, iaitu di Kedah, Melaka, Perak dan Johor. Pembentukan awal Jawi Peranakan bermula dengan proses perkahwinan campur antara lelaki India Islam dengan wanita Melayu tempatan daripada kalangan anak raja Melayu dan anak pembesar negeri (Sandhu 1969: 179). Winstedt (1935: 18) menjelaskan:

“Golongan India Islam telah berkahwin dengan anak-anak Sultan dan Bendahara di Melaka”.

Perkahwinan seumpama ini berlaku disebabkan pada ketika itu kebanyakan lelaki India Islam yang berhijrah ke Nusantara terdiri daripada saudagar dan disebabkan kekayaan dan kedudukan, mereka dengan begitu mudah berkahwin dengan anak raja. Oleh itu, timbul beberapa versi yang mengaitkan keturunan raja Melayu dengan Raja Iskandar Zulkarnain di India (Andaya & Andaya 1983: 38). Keturunan Raja Perak misalnya, dikatakan ada pertalian darah dengan Raja Iskandar Zulkarnain tersebut (Morgan 1948: 17), begitu juga dengan Raja Singapura yang pertama, iaitu Sang Nila Utama dan Sultan Melaka yang pertama, iaitu Raja Iskandar Dzu'l-karnain (Wilkinson 1924: 13). Tun Ali bin Mani Purindam, tokoh pemimpin Melaka yang bergelar Seri Nara Diraja dan memegang jawatan Penghulu Bendahari juga berdarah campuran India Islam. Begitu juga dengan Bendahara Tun Mutahir, beliau dilahirkan daripada keluarga Melayu Tamil atau Jawi Peranakan (Muhammad Yusoff Hashim 1989: 320).

Perubahan mula berlaku di Pulau Pinang apabila perkahwinan campur antara lelaki India Islam dengan wanita Melayu tempatan telah mula berkembang dalam kalangan rakyat biasa. Perkara sedemikian terjadi disebabkan jumlah lelaki India Islam yang berhijrah ke Pulau Pinang semakin ramai. Selain lelaki India Islam, wanita Melayu Pulau Pinang turut berkahwin campur dengan lelaki Jawi Peranakan yang berasal dari Kedah yang berhijrah ke Pulau Pinang. Komuniti ini dikatakan telah datang ke Pulau Pinang sebaik-baik sahaja Pulau Pinang dibuka oleh Kapten Light dan kemudian negeri ini dijadikan sebagai pelabuhan bebas oleh pihak Inggeris. Dasar ‘pintu terbuka’ yang menjadi polisi kerajaan British telah menarik minat Jawi Peranakan yang berasal dari Kedah untuk turut menjalankan perniagaan di Pulau Pinang. Ada juga pihak yang menyatakan bahawa kedatangan Jawi Peranakan dari Kedah telah mula berlaku sejak abad ke-17 (Ragayah Eusoff 1997: 29-30).

Di Pulau Pinang, terdapat beberapa peringkat kedatangan orang India yang menggalakkan berlakunya kahwin campur. Pertama, peringkat kedatangan golongan saudagar, pedagang, pengembara dan pembekal senjata yang terdiri daripada orang India Islam dan Jawi Pekan yang berasal dari luar Pulau Pinang. Golongan ini telah berada di Pulau Pinang sebelum kedatangan Kapten Light (Sandhu 1969: 172, 179). Contohnya, orang India Islam daripada golongan saudagar dikatakan telah berada di Pulau Pinang pada sekitar tahun 1770 (Omar Yusoff 2005: 124). Perkahwinan campur bermula apabila Kapitan Keling, kemudian diikuti oleh orang India Islam yang lain mengahwini wanita Melayu tempatan. Dikatakan bahawa isteri pertama Kapitan Keling berasal dari Batu Uban, Pulau Pinang dan beliau telah menetap di kawasan itu sejak tahun 1736 (Omar Yusoff 2005: 140).

Kedua, peringkat kedatangan golongan buruh yang bekerja di ladang, seperti ladang lada hitam (1790), tebu (1830), kopi (1870), getah (1877) dan yang bekerja dengan kerajaan British. Peringkat ini dikatakan berlaku pada sekitar tahun 1787 atau mungkin lebih awal (Sandhu 1969: 47). Ramai buruh ini juga dikatakan telah berkahwin dengan wanita Melayu tempatan, seperti yang ditegaskan oleh Sandhu (1969: 177):

“A similar tendency could also be detected among other classes of immigrants, especially with the expansion of government works and commercial agriculture in the nineteenth century. Some of these migrants, like their predecessors, took local brides from amongst the Malay and slave populations.”

Ketiga, peringkat kedatangan golongan banduan yang dihantar oleh kerajaan British yang beribu pejabat di India ke Pulau Pinang. Peringkat ini berlaku sekitar tahun 1788. Pada ketika itu, Pulau Pinang telah dijadikan sebagai tempat pembuangan banduan yang dikenakan hukuman selama tujuh tahun dan ke atas. Bermula pada tahun 1789 beberapa orang banduan telah dihantar ke Pulau Pinang. Lebih tiga perempat daripada banduan ini terdiri daripada mereka yang menjalani hukuman seumur hidup. Antara kesalahan yang dilakukan oleh mereka ialah membunuh, merompak, kesalahan politik dan lain-lain. Banduan ini yang datang dari pelbagai daerah di India terdiri daripada pelbagai golongan. Ereno Deen Sheikdar dan Mohamed Heiant merupakan dua orang banduan daripada golongan India Islam yang pertama dihantar ke Pulau Pinang, iaitu pada bulan Mac 1790 (Sandhu 1969: 87).

Selepas tahun 1789, bertambah ramai banduan dihantar ke Pulau Pinang. Pada tahun 1810, 1,300 orang banduan dihantar ke pulau ini dan

jumlahnya meningkat kepada 1,462 orang pada tahun 1824. Namun begitu, apabila kerajaan British tidak lagi menyediakan peruntukan bagi menghantar pulang banduan yang telah tamat menjalani hukuman ke negara asal mereka, maka penghantaran pulang banduan ini telah dikurangkan. Pada tahun 1865, terdapat hanya 801 orang banduan yang dihantar ke Pulau Pinang, 73 daripada mereka terdiri daripada banduan wanita (Turnbull 1970: 90). Bermula pada tahun 1860, semakin ramai banduan yang telah tamat menjalani hukuman tidak pulang ke tanah air mereka. Mereka lebih gemar menetap di Pulau Pinang. Hal ini demikian kerana, banduan ini dikatakan sudah biasa dengan keadaan di Pulau Pinang (McNair 1899: 144).

Kebanyakan bekas banduan berkahwin sesama mereka, dengan masyarakat India lain dan wanita Melayu tempatan. Keadaan ini telah mempercepat pertumbuhan penduduk masyarakat India dan Jawi Peranakan di Pulau Pinang (Sandhu 1969: 134). Antara pekerjaan mereka ialah menjaga lembu, membuka kedai runcit, menjadi buruh dan ada juga yang bekerja dengan kerajaan British (McNair 1899: 144). Blythe (1969: 130) menyatakan bahawa pembentukan Jawi Peranakan berlaku secara meluas pada sekitar tahun 1857, iaitu di bawah sistem *ticket of leave*. Mengikut sistem ini, hanya banduan yang telah menunjukkan kelakuan yang baik dibenarkan bekerja dengan kerajaan British ataupun orang Eropah lain dengan gaji yang lumayan.

Jelaslah bahawa, Jawi Peranakan di Pulau Pinang ialah kelompok peranakan yang beragama Islam. Selain berlatarbelakangkan India sebagai tempat asal, kelompok ini juga merangkumi golongan lain seperti Arab, Benggali, Punjabi, Gujerati dan Afghani yang berkahwin campur dengan orang Melayu tempatan. Mereka ini dibezakan daripada orang India Islam dari segi identiti sebagaimana yang dibincangkan. Kelompok ini juga merupakan kelompok unik yang mengamalkan budaya campuran antara budaya asal dengan budaya Melayu sebagaimana yang dibincangkan di dalam bahagian berikut.

BUDAYA JAWI PERANAKAN PULAU PINANG

Bahasa Pertuturan

Bahasa pertuturan seharian Jawi Peranakan di Pulau Pinang ialah dialek Melayu Pulau Pinang (DMPP). Dialek ini bukan sahaja digunakan oleh mereka di khalayak ramai malah dalam institusi kekeluargaan. DMPP

yang dituturkan oleh masyarakat ini tidak begitu berbeza jika dibandingkan dengan dialek Melayu yang dituturkan oleh orang Melayu lain yang menetap di Pulau Pinang. Antara ciri DMPP ialah fonem /s/ disebut sebagai /s/ jika muncul di lingkungan awal perkataan bersuku kata terbuka dan tertutup tetapi fonem ini tidak wujud sebagai /s/ di akhir perkataan bersuku kata tertutup. Fonem /s/ di akhir kata dalam DMPP wujud sebagai /h/ sekiranya didahului oleh vokal /i/ tetapi muncul sebagai /yh/ (bunyi geluncur) jika vokal yang mendahului bunyi /s/ itu /u/ atau /a/. Jadual 1 menunjukkan perbandingan ciri /s/ dalam DMPP dengan bahasa Melayu standard (BMS):-

Jadual 1. Fonem /s/ dalam DMPP

BMS	DMPP	BMS	DMPP	BMS	DMPP
Jika didahului /i/		Jika didahului /u/		Jika didahului /a/	
habis	habeh	bagus	baguyh	beras	beghayh
keris	kegheh	terus	teghuyh	rampas	ghampayh
garis	gagheh	tikus	tikuyh	atas	atayh
manis	maneh	terjerumus	tejeghumuyh	jelabas	jelabayh

Fonem /l/ dalam DMPP pula disebut sebagai /l/ jika muncul di lingkungan awal perkataan bersuku kata terbuka dan tertutup tetapi fonem ini tidak wujud sebagai /l/ di akhir perkataan bersuku kata tertutup. Fonem /l/ di akhir kata dalam DMPP akan digugurkan sekiranya didahului oleh vokal /i/ tetapi muncul sebagai /oy/ atau /ay/ (bunyi geluncur) jika vokal yang mendahului bunyi /l/ itu ialah /u/ atau /a/ (Jadual 2).

Jadual 2. Fonem /l/ dalam DMPP

BMS	DMPP	BMS	DMPP	BMS	DMPP
Jika didahului /i/		Jika didahului /u/		Jika didahului /a/	
batil	bate	bakul	bakoy	ajal	ajay
cungkil	cungke	sanggul	sanggoy	akal	akay
panggil	pangge	jambul	jamboy	awal	away
sambil	sambe	gomol	gomoy	asal	asay

Fonem /r/ dalam DMPP (Jadual 3) disebut sebagai /gh/ atau [⊗] jika muncul sebagai anggota pertama suku kata terbuka dan anggota akhir suku kata pertama tertutup. Dalam kes kedua lazimnya vokal pepet disisipkan selepas /gh/.

Jadual 3. Fonem /r/ dalam DMPP (I)

BMS Di awal suku kata terbuka	DMPP	BMS i akhir suku kata tertutup	DMPP
baru	baghu	kerja	ke ghe ja
raja	gh aja	terbit	te ghe bit
rakyat	gh akyat	terkam	te ghe kam
rumah	gh umah	berkas	be ghe kayh

/r/ di akhir suku kata pertama dalam perkataan tiga suku kata digugurkan. Suku kata pertama boleh jadi juga imbuhan awalan (Jadual 4).

Jadual 4. Fonem /r/ dalam DMPP (II)

BMS Di akhir kata suku kata pertama	DMPP
gergasi	gegasi
merpati	mepati
permatang	pematang
bercakap	becakap
bersilat	besilat
termakan	temakan
tersilap	tesilap
perjalanan	pejalanan

/r/ di akhir perkataan (Jadual 5) bertukar menjadi /q/ atau [ʔ]. Lazimnya vokal yang mendahului fonem /q/ itu disengaukan:-

Jadual 5. Fonem /r/ dalam DMPP (III)

BMS Ejaan	DMPP Di akhir kata Ejaan	Fonemik
air	ayak	aya q
pasir	pasiak	pasiya q
fikir	pikiak	pikiya q
besar	besak	besa q
hingar	hingak	hinga q
setar	setak	seta q ⁵
tidur	tidok	tido q
nyiur	nyiok	nyiyo q
cucur	cucok	cuco q
pancur	pancok	panco q

Selain kelainan yang dibincangkan, DMPP juga mengandungi singkatan. Singkatan bermakna kependekan perkataan akibat terpotongnya bahagian-bahagian dalam perkataan itu. Bahagian yang dipotong mungkin suku kata atau fonem. Kebanyakan kata yang terpotong menjadi perkataan ekasuku kata⁶. Walaupun terdapat hanya sedikit singkatan dalam DMPP, tetapi singkatan ini menggambarkan keunikan dialek ini. Antara singkatan yang dimaksudkan adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6. Singkatan dalam DMPP (I)

BMS	Singkatan dalam DMPP
mari	mai
pergi	pi
ini	ni
itu	tu/nu
dia	de
dia ini	de ni
dia itu	de tu
tentang/di	tang
ikut	kot
sudah	dah
apa buat	awat
tidak	tak/dak
hendak	nak
abang	bang
kakak	kak
bapa	pak
datok	tok
pelihara	plera

Singkatan juga boleh berlaku terhadap rangkap vokal, terutamanya rangkap vokal yang memiliki hiatus,⁷ apabila salah satu vokal di dalam rangkap vokal tersebut digugurkan dan vokal yang tinggal mengalami perubahan sebutan. Antara contoh singkatan akibat proses yang dimaksudkan diberikan di dalam contoh pada Jadual 7.

Jadual 7. Singkatan dalam DMPP (II)

BMS	DMPP
kuala	kola
kuasa	kosa
biawak	bewak
siapa	sapa

biasa	besa
aniaya	naya
tiarap	teghap

Singkatan juga berlaku terhadap nama khas dalam DMPP. Beberapa contoh singkatan nama khas dicatatkan di dalam Jadual 8.

Jadual 8. Singkatan dalam DMPP (III)

BMS	DMPP
Ahmad	Mat
Esah	Cah
Ismail	Me'/Mail
Jaafar	Pa
Kalsom Bibi	Combi

Terdapat juga perkataan khusus dalam dialek Melayu Kedah dan DMPP yang mungkin tidak terdapat dalam dialek Melayu lain. Di sini dicatatkan perkataan yang dimaksudkan dan contoh penggunaannya (lihat Jadual 9).

Jadual 9. Perkataan khusus dalam dialek Melayu Kedah

-
- (1) Awat: mengapa atau sebab apa
Awat hang kena buang kerja? (Mengapa awak dibuang kerja?)
Awat keretapi ni lambat? (Mengapa kereta api ini lambat?)
Awat tak buat? (Mengapa tidak dibuat?)
 - (2) Dok: merupakan singkatan kepada duduk dan boleh membawa makna duduk, menetap, sedang, dalam aksi atau kedudukan
Hang dok kat mana? (Awak tinggal di mana? (menetap))
Mailah dok tang ni. (Marilah duduk di sini (duduk)).
Saya dok makan masa dia mai. (Saya sedang makan sewaktu dia datang (dalam aksi)).
Pi mai pi mai dok tang tu jugak. (Pergi balik, pergi balik di situ juga (dalam kedudukan)).
 - (3) Dan: bermakna sempat/ada masa dan jika digandakan menjadi 'dan-dan' bermakna masa itu juga.
Saya tak dan nak balik hari ni kot. (Saya tidak sempat pulang hari ini agaknya).
Kalau ikut hati aku dan-dan jugak aku nak balik. (Kalau ikutkan hati masa itu juga aku hendak balik).
-

- (4) La: bermakna sekarang.
Kalau boleh saya mau benda tu la ni jugak. (Sekiranya dapat saya mahukan benda itu sekarang juga).
 - (5) Sat bermakna sekejap, sekejap-sekejap (berulang kali), sekejap tadi.
Tunggu sat no. (Tunggu sekejap ya). Sat-sat dia mai. (Sekejap-sekejap dia datang).
Dia baru pi sat-sat ni. (Dia baru pergi sekejap tadi).
 - (6) Kot: bermakna barang kali.
Dia jatuh sat ni kot. (Barang kali dia jatuh sekejap nanti).
Manalah tau kot-kot ada orang suka kat cek. (Manalah tahu mungkin ada orang yang sukakan saya).
 - (7) Lagu: bermakna macam/seperti.
Hang buat lagu ni. (Awak buat macam ini).
Lagu ni tak syoklah. (Kalau macam ini tidak seronoklah).
-

Demikianlah serba ringkas DMPP yang digunakan sebagai bahasa pertuturan dalam kalangan Jawi Peranakan. Disebabkan Jawi Peranakan berdarah kacukan maka bahasa yang digunakan mereka juga tidak dapat lari daripada pengaruh bahasa Tamil. Pengaruh ini mungkin agak tebal bagi generasi awal Jawi Peranakan, namun demikian semakin menipis bagi generasi kemudian. Salah satu punca pengaruh bahasa Tamil ini ialah pertembungan antara DMPP dengan bahasa Tamil.

Penggunaan DMPP dalam kalangan masyarakat ini tidak sama dari satu kawasan ke kawasan lain. Bagi generasi lama⁸, mereka bukan sahaja boleh bertutur dalam bahasa Melayu, malah mereka juga boleh bertutur dalam bahasa Tamil dan bahasa Inggeris. Namun begitu, dalam usaha untuk menjadi Melayu, bermula daripada generasi keempat dengan sukarela komuniti mereka tidak lagi memelihara bahasa Tamil dalam institusi kekeluargaan mereka. Sehubungan dengan itu, pada hari ini bahasa Tamil didapati semakin pupus, sepertimana yang ditegaskan oleh Yusoff Azmi Merican:

“Bagi orang-orang lama Jawi Peranakan ni, generasi pertama sampai generasi kelima, depa ni memang taw Tamil. Saya boleh ingat lagi, nenek saya juga taw cakap Tamil. Mai kat bapa saya (generasi kelima kepada Hashim Yahya Merican), dia boleh cakap Tamil sikit-sikit, tak banyaklah, mai kat saya, langsung saya tak taw cakap Tamil, sebab kami tak diajaq cakap Tamil”⁹.

Walau bagaimanapun, hal yang menarik bagi golongan ini, tidak semua Jawi Peranakan berusaha untuk menjadi Melayu. Bagi mereka yang kaya-

raya dan mempunyai hubungan perniagaan dengan India dan tinggal di George Town, hingga hari ini mereka masih boleh memahami dan bertutur dalam bahasa Tamil. Hal ini berlaku disebabkan pergaulan yang akrab antara kelompok ini dengan orang India Islam yang begitu ramai menetap di George Town.

Menentukan Jodoh

Soal memilih pasangan hidup bagi anak Jawi Peranakan dalam kalangan generasi lama sangat rumit. Hal ini berlaku disebabkan anak mereka tidak diberi kebebasan untuk mencari sendiri pasangan hidup dan soal mencari pasangan hidup terletak di tangan ibu bapa mereka. Anak mereka juga dilarang berkahwin dengan orang luar daripada kelompok mereka. Biasanya, ibu bapa mereka lebih gemar menjodohkan anak mereka dengan anggota keluarga terdekat, seperti sepupu ataupun dua pupu. Bagi generasi sekarang, amalan seperti ini dikatakan tidak lagi dipelihara oleh ibu bapa mereka. Soal memilih pasangan hidup bergantung kepada anak itu sendiri, seperti yang ditegaskan oleh Yusoff Azmi Merican:

“Orang-orang kita la ni, dah tak larang anak-anak depa kawin dengan orang luaq. Saya pun tak larang anak-anak saya laki ka, pompuan ka, kawin dengan Melayu. Empat anak saya ni, dua laki dua pompuan juga kawin dengan Melayu luaq Pulau Pinang. Depa dah becinta masa kat universiti. Depa dah bekenan mak bapak nak kata apa”¹⁰.

Keadaan sebaliknya berlaku terhadap Jawi Peranakan yang telah mencipta nama dalam dunia perniagaan dan menetap di George Town. Amalan seperti ini masih lagi dipertahankan dalam institusi kekeluargaan mereka. Hal ini demikian berikutan kebimbangan ibu bapa bahawa segala harta kekayaan mereka akan jatuh ke tangan orang lain. Oleh itu, ibu bapa mereka lebih gemar anak mereka berkahwin dengan anggota keluarga terdekat. Ibu bapa mereka juga dikatakan tidak gemar menjodohkan anak mereka dengan orang Melayu. Mereka bimbang budaya Melayu akan terserap masuk dalam institusi kekeluargaan cucu-cicit mereka.

Bentuk Keluarga

Bentuk keluarga dalam kalangan generasi lama Jawi Peranakan ialah keluarga luas. Apabila anak lelaki sudah berumah tangga, biasanya mereka akan tinggal dengan ibu bapa. Bagi generasi sekarang, bentuk keluarga

seperti ini tidak lagi dipertahankan. Keluarga asas merupakan bentuk keluarga mereka kini dan apabila anak lelaki mereka sudah berkahwin biasanya mereka akan memulakan hidup cara sendiri dan tidak lagi tinggal bersama ibu bapa.

Amalan ini agak berbeza berbanding dengan Jawi Peranakan yang telah mencipta nama dalam dunia perniagaan dan tinggal di George Town. Mereka ini masih lagi mengamalkan bentuk keluarga luas dalam corak kehidupan seharian. Hal ini berlaku bukan sahaja disebabkan rumah yang dimiliki oleh mereka besar, malah ibu bapa mereka juga mahukan anak lelaki mereka mewarisi kerjaya seperti mereka, iaitu perniagaan. Selain itu, hal ini juga berlaku disebabkan anak lelaki ini bimbang segala harta peninggalan ibu bapa mereka yang telah meninggal dunia tidak akan diberikan kepada mereka sekiranya mereka tinggal berasingan dengan ibu bapa. Amalan seperti ini merupakan budaya masyarakat India Islam, seperti yang ditegaskan oleh Yusoff Azmi Merican:

“Kalau India Islam lain la, depa ni boleh tinggal banyak keluarga dalam satu rumah. Bagi anak-anak India Islam, lepas kawin kalau depa tinggal asing dengan mak bapa depa, depa takut harta tak dibedak pada depa, sebab tu la banyak India Islam yang dah kawin depa tinggal satu rumah. Itu bagi depa yang banyak harta lah!”¹¹

Nama Keluarga

Dalam sistem penamaan anak Jawi Peranakan, nama keluarga sangat dititikberatkan oleh generasi lama. Bagi komuniti ini, nama keluarga akan memudahkan mereka mengenali jurai keturunan mereka. Misalnya, Ismail Merican bin Che Din Merican. Merican itu merupakan nama keluarga. Oleh itu, bagi mereka yang mempunyai nama hujungnya Merican, maka mereka berasal daripada nenek moyang yang sama.

Sebaliknya, bagi generasi sekarang nama keluarga tidak lagi dianggap penting. Ibu bapa mereka lebih gemar memilih nama anak mereka seperti orang Melayu, terutamanya nama yang terdiri daripada pelakon filem yang terkenal. Ibu bapa mereka tidak lagi gemar menamakan anak lelaki mereka dengan nama yang boleh mencerminkan identiti orang India Islam seperti Mydin, Kader, Habib dan lain-lain. Begitu juga dengan nama anak perempuan, seperti Hamidah Bee, Lall Bee, Fatimah Bee Bee, Norjan, Fatma dan lain-lain. Nama-nama seperti ini tidak lagi dikekalkan oleh generasi sekarang kerana mereka tidak mahu masyarakat lain mengetahui identiti sebenar mereka.

Keadaan seperti ini berbeza bagi Jawi Peranakan yang tinggal di kawasan George Town dan yang telah mencipta nama dalam dunia perniagaan, mereka masih lagi mempertahankan nama keluarga dalam sistem penamaan anak mereka.

Istilah Kekerabatan

Istilah kekerabatan yang digunakan oleh generasi lama Jawi Peranakan merupakan campuran istilah kekerabatan India Islam dengan sesetengah istilah kekerabatan orang Melayu. Walau bagaimanapun, istilah kekerabatan India Islam lebih banyak digunakan. Senarai lengkap istilah kekerabatan Jawi Peranakan dipaparkan di dalam Jadual 10.

Jadual 10. Perbandingan istilah kekerabatan (*kinship*) yang digunakan oleh orang India Islam, Jawi Peranakan dan Melayu

Kekerabatan	Istilah Kekerabatan		
	India Islam	Jawi Peranakan	Melayu
Waris (asal daripada bahasa Tamil)	Waris	Anak Beranak	Anak Beranak
Ibu	Amma	Ma	Mak
Bapa	Vappa/Ba	Ba/Atta	Chik/Ayah
Adik lelaki bapa	Chinapa	Mamak	Pak Teh
Adik lelaki ibu	Mama	Mamak	Pak Chu
Abang lelaki bapa	Periapa	Mamak	Wak
Abang lelaki ibu	Periamama	Mamak	Pak Chu
Adik perempuan bapa	Mami	Mami	Mak Chu
Adik perempuan ibu	Chinnama	Mami	Mak Chu
Kakak kepada bapa	Periama	Mami	Mak Chu
Kakak kepada ibu	Periama	Mami	Mak Chu
Abang/abang sepupu	Ananmahen	Bai	Abang
Adik/adik sepupu (lelaki)	Tambimahen	Bai	Dik
Kakak/kayak sepupu	Marni	Aci	Kak
Adik/adik sepupu (perempuan)	Ponnu	Aci	Dik
Anak perempuan	Magel	Anak	Anak
Anak lelaki	Mahen	Anak	Anak
Cucu lelaki	Perepillai	Cucu	Cucu
Cucu perempuan	Perepillai	Cucu	Cucu
Datuk lelaki	Nana/Pettappa	Chacha	Tok Wan
Datuk perempuan	Nani/Pettamma	Chachi	Tok

Adik lelaki datuk lelaki	Petappa	Mamu	Tok Wan
Abang datuk lelaki	Petappa	Mamu	Tok Wan
Adik perempuan datuk lelaki	Petemma	Chachi	Tok
Kakak datuk lelaki	Petemma	Chachi	Tok
Adik lelaki datuk perempuan	Petappa	Chacha	Tok Wan
Abang datuk perempuan	Petappa	Chacha	Tok Wan
Adik perempuan datuk perempuan	Petemma	Chachi	Tok
Kakak datuk perempuan	Petemma	Chachi	Tok
Nenek lelaki	Petappa	Bai Chacha	Nenek
Nenek perempuan	Petemma	Bai Chachi	Nenek
Ibu mertua	Mamiare	Mami	Ibu
Bapa mertua	Mamanare	Mamu	Bapa
Suami saudara perempuan (ipar lelaki)	Machan	Machan	Abang
Suami ibu saudara (sebelah bapa & ibu)	Mama	Mamak	Pak Cik
Menantu lelaki	Maremahen	Mempelai	Anak Menantu
Menantu perempuan	Maremagel	Ponu	Anak Menantu
Isteri saudara lelaki (ipar perempuan)	Marni	Maini	Kakak/adik
Isteri bapa saudara tua, sebelah bapa	Periamma	Maini	Mak Cik
Isteri bapa saudara muda, sebelah bapa	Chaci	Maini	Mak Cik
Isteri bapa saudara tua/muda, sebelah ibu	Mami	Maini	Mak Cik

Istilah kekerabatan India Islam yang digunakan meliputi waris, ibu bapa, adik-beradik bapa, adik-beradik ibu, kakak atau kakak sepupu, abang atau abang sepupu, dan adik atau adik sepupu (lelaki dan perempuan) dan ego.

Namun begitu, dalam kalangan generasi sekarang, istilah kekerabatan yang digunakan lebih kepada istilah kekerabatan orang Melayu. Istilah tersebut meliputi waris, ibu bapa, adik-beradik bapa, adik-beradik ibu, kakak atau kakak sepupu, abang atau abang sepupu dan adik atau kakak sepupu (lelaki dan perempuan). Bagi Jawi Peranakan yang mendapat pendidikan Inggeris, mereka lebih gemar menggunakan istilah kekerabatan orang Inggeris. Panggilan bapa misalnya, ada antara mereka yang menggunakan papa atau *daddy*.

Adat Resam Perkahwinan

Adat resam perkahwinan Jawi Peranakan bagi generasi sekarang dikatakan sedang mengalami perubahan. Pantang larang dan kepercayaan karut yang suatu ketika dahulu pernah diamalkan oleh generasi lama didapati tidak lagi dipelihara atau dipertahankan oleh generasi sekarang. Soal jodoh misalnya, sekiranya anak gadis mereka lambat dipinang orang, ibu bapa mereka percaya adanya sial majal pada diri anak gadis mereka. Bagi mengatasi masalah ini, ibu bapa akan mendapatkan perkhidmatan bomoh. Begitu juga dengan adat merisik, mereka juga percaya adanya petanda yang tidak baik jika berlaku sesuatu kejadian ketika mana-mana ahli keluarga mereka hendak keluar merisik. Dalam hal ini, biasanya ibu bapa mereka akan membatalkan segala rancangan mereka untuk keluar merisik.

Dalam adat bersanding, setelah selesai upacara akad nikah, ibu bapa pihak lelaki akan melakukan adat suap susu yang dicampur dengan pisang (biasanya pisang ini akan dilenyek sehingga lumat) ke mulut pasangan pengantin. Kemudian, upacara ini diikuti dengan mengalungkan bunga malai pada leher pasangan pengantin. Di samping itu, ibu bapa pihak lelaki juga akan mengalungkan ‘tali’ pada leher pengantin perempuan. ‘Tali’ yang dikalungkan biasanya diperbuat daripada manik atau kepingan emas dalam bentuk buah gandum. Kalung ini dianggap sebagai simbolik untuk menyuburkan zuriat pasangan yang baru berkahwin.

Amalan seperti ini tidak lagi diikuti oleh generasi sekarang. Hal ini demikian kerana amalan seperti ini dianggap bertentangan dengan ajaran Islam. Namun begitu, bagi Jawi Peranakan yang tinggal di George Town dan mempunyai hubungan perniagaan dengan India, amalan seperti ini masih lagi diikuti sepertimana yang berlaku dalam corak kehidupan seharian orang India Islam di Pulau Pinang.

Adat Resam Bersalin

Untuk menjaga keselamatan ibu yang mengandung sulung, biasanya keluarga generasi lama Jawi Peranakan akan melakukan upacara melenggang perut. Upacara ini turut diamalkan dalam kalangan orang Melayu lain di Pulau Pinang pada satu ketika dahulu. Adat resam ini merupakan warisan turun-temurun yang dikatakan ada pengaruh Hindu (Abdul Samad Ahmad 1990: 41). Upacara ini mula dilakukan apabila usia kandungan genap tujuh bulan seperti yang diterangkan oleh Hajah Hamidah Bee:

“Selalunya orang kita buat upacara melenggang perut bila perut dah cukup tujuh bulan mengandung anak sulung. Masa mengandung anak sulung ni, orang perempuan dulu ni, akan ikut apa yang orang tua-tua kata. Maklumlah kita belum ada pengalaman lagi”.¹²

Walaupun upacara ini bertujuan untuk menjaga keselamatan ibu yang mengandung anak sulung, tetapi amalan seperti ini tidak lagi dipertahankan oleh generasi sekarang. Upacara seperti ini dianggap bertentangan dengan ajaran Islam.

Sistem Kepercayaan

Agama yang dianuti oleh Jawi Peranakan bagi generasi lama dan sekarang ialah Islam. Agama ini merupakan agama yang dianuti oleh orang India Islam dan Melayu di Pulau Pinang. Walaupun rata-rata orang India Islam menganut agama Islam tetapi fahaman mazhab mereka tidak sama dengan orang Melayu di Pulau Pinang dan Jawi Peranakan. Bagi India Islam, mereka berfahaman mazhab Hanafi. Jawi Peranakan dan orang Melayu di Pulau Pinang pula, rata-rata berfahaman mazhab Hambali seperti yang diterangkan oleh Haji Yaacob:

“Kalau orang Melayu ni, mazhab mereka Hambali. Orang kita pun sama. Mazhab Hambali juga. Orang India-Islam ni, mazhab depa Hanafi”.¹³

Antara kepercayaan keagamaan yang tidak lagi dipertahankan oleh generasi sekarang ialah pesta mandi Safar, berkunjung ke tempat keramat, seperti keramat Nagor, Tok Koya dan Mak Amma dengan tujuan untuk memohon sesuatu, ahli keluarga yang meninggal dunia pada hari Selasa dipercayai membawa petanda yang tidak baik, membakar kemenyan pada malam Jumaat dengan tujuan agar Malaikat membawa rezeki kepada keluarga mereka dan kepercayaan lain. Justeru, perayaan keagamaan yang disambut oleh masyarakat ini sama dengan orang Melayu di Pulau Pinang, seperti Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, Awal Muharam dan perayaan lain.

RUMUSAN

Dengan restu dan penerimaan orang Melayu yang menetap di Pulau Pinang terhadap Jawi Peranakan dalam mengidentifikasikan diri mereka sebagai Melayu, maka Jawi Peranakan tidak mengalami sebarang masalah untuk diterima sebagai Melayu. Selain itu, dengan adanya perasaan

sukarela dalam kalangan Jawi Peranakan untuk menjadi Melayu secara langsung juga telah mempercepat proses mereka untuk menjadi Melayu. Begitu juga dengan adanya dasar kerajaan yang membantu orang Melayu, seperti Dasar Pendidikan, Model Ekonomi Baru dan lain-lain, telah mempercepat usaha golongan ini untuk menjadi Melayu. Pada hari ini, rata-rata kebudayaan Jawi Peranakan kian terserap oleh nilai dan norma orang Melayu. Ramai orang Jawi Peranakan di Pulau Pinang telah dibudayakan sepenuhnya oleh budaya Melayu seperti bahasa, adat resam perkahwinan, makanan serta pemakanan dan sebagainya. Oleh itu, tinjauan ini mendapati bahawa pada abad ke-21, Jawi Peranakan di Pulau Pinang sedang menuju ke arah menjadi Melayu. Namun demikian, masih terdapat Jawi Peranakan di Pulau Pinang yang mengekalkan budaya lama mereka sehingga hari ini, terutamanya bagi mereka yang tinggal di George Town dan mempunyai hubungan perdagangan dengan India.

PENGHARGAAN

Kedua-dua penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Universiti Sains Malaysia kerana makalah ini dihasilkan di bawah penyelidikan yang bertajuk *Projek Warisan Budaya (Bahagian Kemanusiaan)* yang dibiayai oleh Geran Universiti Penyelidikan, Universiti Sains Malaysia (2008-2010).

NOTA

- ¹ Istilah jawi secara khusus dalam bahasa Melayu bersangkut paut dengan agama Islam. Umpamanya ungkapan masuk jawi bermakna berkhitan, yakni salah satu aktiviti yang wajib/mesti dilaksanakan apabila individu memeluk agama Islam. Istilah jawi juga bermaksud aksara yang digunakan untuk menulis bahasa Melayu di Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand Selatan. Istilah ini kemudian diluaskan maknanya untuk merujuk kepada dua perkara. Pertama, istilah ini dikaitkan dengan bahasa yang menggunakan aksara jawi dan dengan demikian wujudlah istilah bahasa Jawi. Kedua, istilah ini juga digunakan untuk merujuk kepada agama penutur yang menggunakan aksara jawi, iaitu agama Islam dan dengan demikian wujud pula istilah masuk jawi atau masuk Islam. Berdasarkan kedua-dua perkara ini dan disebabkan agama Islam sudah dijadikan sebagai jati diri penutur bahasa tersebut, maka sebab itu orang Islam (termasuk Melayu) dirujuk sebagai orang Jawi (Noriah 1999: 85-86).
- ² Peranakan bermaksud lahir tempatan dan berdarah campuran Melayu (Fujimoto 1988: 41-42).
- ³ India Islam terbahagi kepada beberapa golongan, iaitu Marakayar, Rawther, Labbai dan Kayalar/Kayadanalur. Semua golongan ini dibezakan menerusi pekerjaan mereka. Marakayar bermaksud 'perahu'. Kebanyakan anggota golongan ini terdiri daripada pedagang atau kelasi kapal. Labbai merupakan satu perkataan yang digunakan oleh

- orang India Islam sebagai sinonim kepada orang yang mempunyai pengetahuan dalam hal keagamaan. Kebanyakan anggota golongan ini terdiri daripada guru agama. Rawther pula merujuk kepada peniaga kuda ataupun mereka yang terlibat dengan angkatan tentera berkuda yang bekerja dengan pihak kerajaan. Kayalar ialah peniaga kecil. Dari segi kawasan penempatan, golongan Rawther berasal dari kawasan pedalaman di India Selatan, Labbai berasal dari kawasan pedalaman di Utara India manakala Marakayar dan Kayalar tinggal berdekatan pantai (Ahmad Imtiaz 1973).
- 4 Bagi wanita Melayu tempatan yang berkahwin campur dengan mana-mana golongan yang bukan Islam, mereka tidak dikategorikan sebagai Jawi Peranakan. Sekiranya lelaki Cina yang mengahwini wanita Melayu, generasi yang dilahirkan dikenali sebagai Cina Peranakan.
- 5 Setar dalam perkataan Alor Setar. Sewaktu menyebut nama Alor Setar, Logan (1851: 54) menyatakan “*the words in common pronunciation are phonetically united by placing the accent on the o and sometimes omitting the r while the final a receives the abrupt accent with a naso-guttural tone.*”
- 6 Selain kecenderungan meringkaskan perkataan, pemendekan kata ekasuku kata (bersuku kata tunggal) mungkin disebabkan pengaruh bahasa Thai yang mempunyai banyak perkataan bersuku kata jenis ini (Shuib 1971: 61-63, Abdul Karim 1972: 104-105).
- 7 Pisahan antara dua monoftong dampingan yang menjadikannya dua suku kata berturutan, berbeza dengan diftong yang melibatkan perubahan kualiti bunyi di dalam satu suku kata (*Kamus Linguistik* 1997: 92).
- 8 Generasi lama bermaksud, generasi pertama hingga generasi ketiga.
- 9 Temu bual dengan informan pada 18 September 2000. Beliau merupakan generasi keenam kepada Hashim Yahya Merican. Berdasarkan keterangan Badan Warisan Pulau Pinang, beliau merupakan tempat rujukan bagi golongan Jawi Peranakan di Pulau Pinang.
- 10 Temu bual dengan informan pada 4 Oktober 2000.
- 11 Temu bual dengan Informan pada 4 Oktober 2009.
- 12 Temu bual dengan Hajah Hamidah Bee binti Abdul Hamid pada 6 Oktober 2009.
- 13 Temu bual dengan informan pada 23 September 2009. Beliau merupakan Imam Masjid Jamek Sungai Pinang.

RUJUKAN

- Abdul Samad Ahmad. 1990. *Kebudayaan secara umum*. Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- Andaya, B.W. & Andaya, L.Y. 1983. *A history of Malaysia*. London: MacMillan.
- Blythe, W.L. 1971. *The impact of Chinese secret societies in Malaya: A historical study*. London: Oxford University Press.
- Clodd, H.P. 1948. *Malaya's first British pioneer: The life of Francis Light*. London: Luzac & Company Ltd.
- Crawford, J. 1820. *History of the Indian Archipelago: Containing an account of the manners, art, languages, religions, institution and commerce of its inhabitants*. Edinburgh: Archibald Constable.
- Khoo Salma, N. 2002. The rich legacy of the Jawi Pekan. Dlm. Malini Dias (ed.). *Glimpses of old Penang*. Petaling Jaya: Star Publications. Hlm. 44-45.

- Lee, Kam Hing. 1995. *The Sultanate of Aceh, relations with the British 1760-1824*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- McAlister, N. 1803. *Historical memoir relative to Prince of Wales Island in the Straits or Malacca and its importance, political and commercial*. London: Printed by J. H. Hart for the Author.
- McNair, J.F.A. 1899. *Prisoners their own warders: A record of convict prison at Singapore in the Straits Settlement Established 1825, Discontinued 1873, Together with a cursory history of the convict establishment at Bancoolen, Penang and Malacca from the year 1979*. London: Archibald Constable.
- Mohd. Aris Haji Othman. 1985. *Identiti etnik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Morgan, W.S. 1948. *The story of Malaya*. Singapore: Malaya Publishing House Limited.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1989. *Kesultanan Melayu Melaka: Kajian beberapa aspek tentang Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 dalam sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar Yusoff. 2005. *Kaum Jawi Peranakan di Pulau Pinang: Isu-isu budaya dalam konteks pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia*. Latihan Ilmiah: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ragayah Eusoff. 1997. *The Merican clan: A story of courage and destiny*. Kuala Lumpur: Times Books International.
- Sandhu, K.S. 1969. *Indians in Malaya: Some aspects of their immigration and settlement, 1786-1957*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Turnbull, C.M. 1970. Convicts in the Straits Settlements 1826-1867. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 43(1): 90.
- Vaughan, J.D. 1857. Notes on the Malay at Penang and Province Wellesley. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 2:8: 137.
- Wilkinson, R.J. 1924. *Paper on Malay subjects History*. Part.1: *Events prior to British ascendancy*. Part II: *Notes on Perak History*. Kuala Lumpur: Printed at the Federated Malay State Government Press.
- Winstedt, R.O. 1935. *History of Malaya*. Singapore: Singapore Printers.
- Zaharah Mahmud. 1972. The population of Kedah in the Nineteenth Century. *Journal of South East Asia Studies* 3:2: 201.

Omar Yusoff
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang, MALAYSIA.
E-mail: yuasmr@notes.usm.my

Noriah Mohamed, Ph.D.
Profesor Madya
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang, MALAYSIA.
E-mail: noriahm@usm.my